

Telephone: Students Unit
(020 7402 0045)
Students Hostel
(020 7402 0953)
Fax: 020 7262 8406
Website: www.upp.org.uk
Email: admin@upp.org.uk



سورھنجاي تتيقي نكار بروني دارالسلام

SURUHANJAYA TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM

(STUDENTS UNIT)
35 – 43 Norfolk Square
London W2 1RX

PERINGATAN BAGI PELAJAR-PELAJAR SARJANA (*MASTERS*)

**KEPADA : SEMUA PENUNTUT-PENUNTUT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG BELAJAR
DI UNITED KINGDOM DAN IRELAND YANG MENGIKUTI KURSUS SARJANA
(*MASTERS*)**

PERATURAN MELANJUTKAN TEMPOH BIASISWA, MELANJUTKAN TEMPOH TINGGAL DI UNITED KINGDOM DAN PEMBAYARAN ELAUN SARA HIDUP


Sukacita merujuk ketetapan pihak Kementerian Pendidikan yang diterima melalui surat bilangan JPLL/S/*MASTERS* bertarikh 24 Syaaban 1430 / 15 Ogos 2009, dan Surat Pemberitahuan Unit Penuntut-Penuntut bilangan 13/2009 bertarikh 04 Syawal 1430 / 23 September 2009 mengenai perkara tersebut di atas

Sehubungan dengan itu, dimaklumkan kepada semua pelajar-pelajar mengikuti kursus Ijazah Sarjana (*Masters*), seperti berikut:

- i. Tempoh kebenaran biasiswa pelajar-pelajar kursus Sarjana (*Masters*) untuk berada di negara berkursus ialah sehingga tempoh kursus sahaja.
- ii. Jika keputusan rasmi dikeluarkan pada bulan Oktober, maka boleh berada di United Kingdom sehingga tempoh tersebut.
- iii. Pelajar akan dibayar elaun sara hidup dan perjalanan sehingga penghujung bulan tempoh kursus sahaja, sepertimana yang dinyatakan dalam surat kebenaran asal Kementerian Pendidikan.
- iv. Jika dikehendaki '*resit*' atau '*resubmit*' projek, bolehlah menghadapkan permohonan melanjutkan tempoh biasiswa atas sokongan pihak universiti. Permohonan mengulang ini adalah sebagai peluang penghabisan.

Sekian untuk makluman dan perhatian mengenainya.

Wassalam.


Hajah Azizan binti Dato Paduka Haji Othman
Penolong Pengarah Pengajian
b.p. Pesuruhjaya Tinggi

Rujukan : BSU E/5 Pt. X
Tarikh : 23 Ramadan 1432 / 23 Ogos 2011